

BANJIR

[FOTO RAMLI IBRAHIM/BH]



Jambatan di Sungai Ketil yang menghubungkan Lojing dengan Bandar Lama ditutup mulai semalam selepas ditenggelami air sedalam satu meter.

Mangsa banjir di Kelantan meningkat

BH
25/12/16
mls-18

➔ 42 penduduk dipindah ke Sekolah Kebangsaan Tiong selepas rumah mereka dinaiki air

[FOTO FATHIL ASRI/BH]



Keadaan paras air di Sungai Golok di Bandar Rantau Panjang melebihi paras amaran, selepas hujan berterusan selama tiga hari.



Mangsa banjir, Muhammad Ayub Ismail memindahkan itik peliharaannya ke tempat selamat selepas kawasan rumahnya.

**Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
dan Ramli Ibrahim**
bhkb@bh.com.my

► Kota Bharu

Mangsa banjir di Kelantan meningkat kepada 42 orang membabitkan sembilan keluarga dari Kampung Tiong dan Taman Tiong, di sini, berbanding 36 mangsa, kelmarin.

Sehingga jam 2 petang semalam, hanya satu pusat pemindahan dibuka iaitu di Sekolah Kebangsaan (SK) Tiong, selepas hujan berterusan sejak beberapa hari.

Pemindahan itu adalah kali kedua bagi penduduk dari kampung berkenaan dalam tempoh 20 hari, berikutan kampung mereka terletak di kawasan tanah rendah dan saban tahun dinaiki air sekiranya hu-

**Fakta
nombor**

**56.47
METER**

paras air Sungai Galas di Limau Kasturi, Gua Musang melebihi paras bahaya

jan berterusan.

Penduduk, Che Saloma Salleh, 40, berkata dia belum lagi hilang penat berkemas sejak pulang ke kediaman lebih dua minggu lalu, apabila sekali lagi terpaksa berpindah ke pusat pemindahan sama.

Katanya, begitulah rutin mereka setiap tahun yang berdepan musibah banjir berikutan kediaman berada di lokasi rendah.

“Pada mulanya selepas pulang ke rumah hampir tiga minggu lalu, kami lega kerana menyangkakan cuaca kembali pulih seperti biasa sehingga Januari.

“Namun, selepas selesai berkemas semua barangan yang sebelum ini disimpan di tempat tinggi, sekali lagi kami diuji apabila kawasan kampung dinaiki air sehingga dua meter,” katanya.

Penduduk di Rantau Panjang juga

sudah membuat persiapan banjir berikutan paras air Sungai Golok mencecah 8.2 meter iaitu melepasi paras amaran lapan meter sehingga petang semalam.

Limpahan air sungai

Sementara itu, paras sungai di Sungai Galas di Limau Kasturi, Gua Musang mencecah 56.47 meter iaitu melebihi paras berjaga-jaga 56 meter dan Sungai Golok di Jenob Tanah Merah mencatatkan paras 22.34 meter iaitu melepasi paras berjaga-jaga 21.5 meter.

Di Gua Musang, jambatan merentasi Sungai Ketil yang menghubungkan jalan pintas Lojing dengan Bandar Lama, di sini, terpaksa ditutup kepada semua kenderaan kerana ditenggelami air lebih satu meter sejak pagi semalam.

Ia berikutan berlaku limpahan air

sungai dan arus deras berikutan hujan lebat secara berterusan selama enam jam mulai jam 3 pagi semalam.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Gua Musang, Mohd Yussalmi Mohd Yusoff, berkata jambatan itu mula ditenggelami air kira-kira jam 9 pagi dan ditutup kepada semua kenderaan berikutan arus deras.

Katanya, pengguna yang ingin ke Kampung Kerinting dan Lojing boleh melalui Jalan Bandar Baru dan pihaknya turut memantau tiga lagi jambatan iaitu jambatan Kampung Pulau Setelu, Felda Chiku 7 dan Felda Aring 5 yang sering ditenggelami air.

“Jambatan ini cepat tenggelam apabila hujan lebat dan cepat surut semula apabila hujan berhenti,” katanya.